

(Syahadah Imam Hasan Askari (as). (Ayahanda Imam Mahdi

<"xml encoding="UTF-8?>

Imam Hasan Askari Alaihissalam merupakan Imam kesebelas keturunan Ahlul Bait Rasulullah (saw). seorang Imam yang hanya memiliki umur yang singkat, Beliau as. beberapa ketika waktu dan zaman, bersama Ayahnya tercinta, Imam Hadi Alaihissalam telah diletakkan dibawah pemerhatian kerajaan Bani Abbasiah dan berterusan sehingga kesyahidan Ayahandanya tercinta. Akhirnya, Beliau as. juga telah syahid pada penghujung kezaliman.

Terbit Bintang

Hari Jumaat, 8 Rabiul Thani tahun 232 Qamariah, hari kelahiran putera suci, Imam Hasan Bin Ali Al-Askari as. dalam sejarah kebanggaan Ummat Islam, hari yang tinggal didalam ingatan. Hari dimana rumah Imam Hadi as. terang dengan cahaya suci yang dibawa puteranya, Hasan Askari as..

Bergerak Ke Iraq

Dengan kelahiran Imam Hasan Askari as. pada tahun 232 Qamariah, telah mendatangkan kegembiraan dan kebahagiaan kepada penduduk Madinah dan ahli rumahnya Imam Hadi as. Bani Hasyim telah bergembira dan bersujud syukur dengan kelahiran suci ini. Namun malangnya, kegembiraan dan kebahagiaan ini tidak kekal lama, selepas beberapa ketika telah bertukar kepada kedukaan dan kesedihan keluarga Alawi. Khalifah Abbasi dan pengikut-pengikutnya yang fasiq telah tergugat dan bimbang apabila menyaksikan ketinggian ilmu dan maknawi Imam Hadi as. di kota Madinah dan demi menjaga kekuatan mereka sendiri, maka mereka telah mengarahkan Imam Hadi as. untuk berpindah ke negara terasing Iraq. Imam Hadi as. dengan diiringi Putera kesayangannya, Imam Askari as. pada tahun 233 Qamariah telah berpindah dari kota Madinah ke Negeri Samarra yang merupakan pusat pemerintahan khalifah Abbasi. Imam Hasan Askari bersama Ayahnya menetap di Samarra sehingga ke penghujung hidupnya.

Penjara Tanpa Dinding

Sepanjang tahun ketika Imam Hasan Askari as. berada di Samarra, (selain daripada masa Imam as. didalam penjara Bani Abbas) pada zahirnya, Imam as. hidup seperti manusia biasa yang lain, tetapi hakikatnya seluruh pergerakan dan perlakuan Imam as. adalah dibawah pemerhatian dan pengawalan kerajaan ketika itu. Seluruh pergerakan Imam as. dan pengikutnya dibawah kawalan mereka. Diriwayatkan daripada salah seorang pengikut Imam as. bahawa Imam as. setiap hari Isnin dan Khamis terpaksa hadir ke rumah Khalifah dan terpaksa menerangkan dan menakrifkan tentang diri Beliau as. kepada mereka. Hakikatnya, Samarra adalah penjara tanpa dinding buat Imam as. yang telah merampas seluruh ketenangan dan kesenangan Imam as..

Saudara Lelaki Imam as.

Imam Hasan Askari as. mempunyai tiga orang saudara lelaki yang terdiri daripada Husain, Jaafar dan Muhammad. Husain merupakan seorang Abid dan zahid pada zamannya dan beriman kepada Imamahnya Imam Hasan Askari as. Jaafar, saudara tidak soleh Imam as. yang terkenal dengan jaafar Kazzab. Muhammad pula merupakan putera pertama Imam Hadi as. Beliau meninggal dunia pada tahun 252 Qamariah (dua tahun sebelum kesyahidan Imam Hadi as.). Imam Askari as. sangat berduka cita dengan kewafatan abangnya dan kubur suci beliau berdekatan dengan Samarra dan dinamakan dengan Makam Imam Zadeh Sayyid Muhammad.

Perkahwinan Imam Hasan Askari as.

Imam Hasan Askari as. membesar disisi Ayahandanya tercinta dan mendapat faedah dari lautan ilmu dan kelebihan-kelebihan Ayahandanya. Imam Askari as., beberapa waktu sebelum kesyahidan Imam Hadi as., telah berkahwin dengan seorang wanita Rum yang berwibawa yang bernama Narjis, yang berketurunan daripada Hadrat Syam'un as., wasi Hadrat Isa as. Narjis, telah ditawan di dalam salah satu peperangan antara Umat Islam dan tentera Rum, dan Beliau telah dibeli oleh Imam Hadi as. dan dikahwinkan dengan Imam Hasan Askari as. Beliau merupakan seorang wanita suci dan mulia yang menemui kebanggaan dengan keislamannya serta merupakan isteri kepada seorang Imam. Dengan perkahwinan Imam Askari as. dan Narjis Khotun, telah menerangi sinar harapan didalam hati-hati mukmin dan para penunggu Imam Zaman ajf. Walaupun tarikh tepat perkahwinan Imam Askari as. tidak diketahui, tetapi adalah pasti bahawa perkahwinan Beliau as. adalah pada zaman hidupnya Imam Hadi as..

Syahid Ayahanda as.

Walaupun Imam Askari as. menjalani hari-hari yang perit di Samarra, namun kewujudan Ayahanda maksum dan penyayang, menghadirkan ketenangan. Pada awal bulan Rejab tahun 254 Qamariah, zaman gembira dan ketenangan Imam as. telah sampai penghujungnya dan Imam as. diselubungi duka atas pemergian Ayahanda tercinta as., Khalifah Abbasi, ketika melihat kerajaannya berada dalam keadaan bahaya, telah mengarahkan untuk meracuni Imam Hadi as.. Keterasingan dan kesendirian Imam Askari as. telah bertambah dengan kesyahidan ini. Zaman ini, adalah yang paling susah dan mencabar didalam hidup singkatnya Imam Askari as.. Selepas kesyahidan Imam Hadi as., zaman wilayah dan imamah 6 tahun Imam Askari as. pun bermula. Imam Hasan Askari as., pada malam kesyahidannya, telah menulis banyak surat, dan surat-surat tersebut diserahkan kepada penghantar suratnya supaya dihantar ke Madinah.

Imam as. pada saat-saat terakhir hidupnya, telah memohon air dan berkata : “Aku mahu menunaikan solat”. Pembantunya menyediakan sejadah buat Beliau as.. Imam as. mengambil wuduk dan menunaikan solat subuh di tempat pembaringannya. Kemudian Beliau as. mengambil bekas air tersebut daripada pembantunya untuk meminum sedikit air darinya dimana ketika itu tangan Imam as. bergetar dan bekas air pun terhentak pada gigi-gigi Beliau as.. Imam as. meminta pembantunya supaya memanggil puteranya Imam Zaman ajf. untuk hadir kesisinya. Ketika itu, Narjis Khotun, Bonda Imam Zaman as. diiringi Imam ajf. masuk ke dalam bilik, ketika mana Imam Askari as. melihat Imam Zaman as., Beliau as. pun menangis dan bersabda : “Wahai Sayyid Ahlul Bait, berikan aku sedikit air dimana aku akan pergi menemui Tuhanku”. Imam Zaman as. pun memberi minum Ayahanda as. dan Beliau as. pun meninggal dunia. Imam Askari as. syahid pada Hari Jumaat, 8 Rabiul Awal tahun 260 Qamariah, selepas solat subuh pada umur 28 tahun.

Ziyarah Imam Hasan Askari as.

Abu Hashim Ja'fari, meriwayatkan dari Imam Hasan Askari as. dimana Imam as. bersabda : “Kuburku di Samarra, bagi ahli kedua-dua golongan, adalah sumber keamanan dan kesenangan daripada bala dan azab Ilahi”. Alamah Majlisi telah memberi makna ahli dua golongan adalah syiah dan sunni dan berkata bahawa berkat wujudnya Imam as. adalah buat semua. Sebahagian daripada doa ziyarah Imam Askari as. yang kita baca : “ Salam atasmu maulaku, wahai Aba Muhammad Hasan Bin Ali, orang yang menghidayah manusia dan hidayah kepada yang hak. Salam atasmu wahai Putera Amirul Mukminin dan wahai Putera Zahra.

Salam atasmu wahai yang menenangkan hati yang berduka. Salam atasmu wahai pemilik ilmu Wasi Rasulullah. Salam atasmu wahai kapal penyelamat dan salam atasmu wahai Ayahanda Imam Muntadzar ajf (Imam Mahdi).. Aku bersaksi bahawa Engkau menunaikan solat dan rukun-rukun yang lain di dalam agama, membayar zakat, menyuruh kepada yang makruf serta melarang yang mungkar. Aku memohon kepada Tuhan dimana dengan perantaraanmu, Dia menerima doaku dan menjadikan aku daripada pembantu-pembantu dan pengikut-pengikut sebenar serta merupakan pencinta-pencintamu.”

Laknat Allah ke atas pembunuhmu dan pembunuh para Ahlul Bait as. yang lain dan semoga kami adalah orang yang diterima sebagai pencinta-pencinta dan pengikut sebenarmu. Jadikan kami antara pencinta dan tentera Puteramu, Al-Imam Muhammad al-Mahdi ajf. Allhumma ‘Ajjil Liwaliyakal Faraj.

Imam Hassan Askari (as) berkata: “siapa yang tidak takut untuk berbuat buruk di hadapan manusia maka dia tidak akan takut kepada ALLAH”

“Orang mulia yang meninggalkan kebenaran akan menjadi hina dan orang yang hina yang mempercayai kebenaran akan menjadi mulia”

”“takutlah anda kepada ALLAH, jadilah penghias dan jangan jadi perosak